

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian menyelesaikan masalah kekurangan pekerja asing kepada sektor pertanian dan perikanan akibat *lockdown* dan pembekuan pengambilan pekerja asing dan awak-awak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengambil beberapa tindakan untuk membantu pihak industri berikutan kekurangan pekerja asing akibat *lockdown* dan pembekuan pengambilan pekerja asing dan awak-awak. Bagi tempoh 1 Januari hingga 5 Julai 2021, sebanyak 786 majikan di sektor pertanian telah memohon untuk meregularisasikan seramai 15,188 orang PATI. Daripada jumlah tersebut, permohonan 271 majikan (34.5%) telah diluluskan.

Bagi sektor pertanian, MAFI telah melaksanakan program seperti berikut:

- i. Program Mobiliti Tenaga Kerja Dalam Sektor Agro Makanan (*MyFuture Agro*) merupakan program jangka pendek bermula dari Ogos 2020 sehingga Disember 2021 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang bertujuan merangsang permintaan dalam latihan kerja *On-The-Job Training* selama satu hingga enam bulan di kalangan syarikat. Fokus program ini adalah kepada latihan kerja dalam bidang agromakanan kepada lepasan sekolah, graduan menganggur dan golongan yang diberhentikan kerja termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) dan mereka yang berumur 40 tahun dan ke atas (maksimum 55 tahun) dan insentif penggajian sebanyak RM800-RM1,000 dan elaun mobiliti secara *one-off* sebanyak RM600-RM1,000 diberikan kepada peserta yang layak di syarikat yang mendaftar di bawah program ini.
- ii. Program latihan pertanian bagi Sijil Pertanian dan Sijil Kemahiran Malaysia diteruskan di institut-institut pertanian dalam usaha melahirkan tenaga kerja mahir pertanian yang boleh menggantikan pekerja asing. Sehingga tahun 2021, seramai 12,249 orang graduan Sijil Pertanian dan 1,577 graduan Sijil Kemahiran Malaysia telah dilahirkan di bawah MAFI.

Bagi sektor perikanan pula, MAFI masih membenarkan penggunaan kru bukan warganegara sehingga 100% untuk bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan bagi semua vesel Zon C2, vesel Zon C3 dan vesel jerut bilis zon A di Kedah dan Perak. Bagi vesel yang beroperasi Zon C pula dibenarkan sehingga 80% kru bukan warganegara bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan.

MAFI juga melaksanakan pemberian PLKS Jangka Pendek untuk kru asing bekerja di atas vesel penangkapan ikan seperti berikut:

- i. PLKS Jangka Pendek dilaksanakan pada 7 Oktober 2020 berdasarkan Pekeliling Imigresen Bil.18 Tahun 2018. Pelaksanaan ini ditangguhkan dengan pemberian moratorium

sehingga 31 Disember 2021 kepada warganegara asing yang bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan. Ianya terpakai kepada 14,703 orang kru nelayan asing yang telah berada di dalam negara.

- ii. Kru asing yang masih berada di dalam negara adalah seramai 14,703 kru asing mengikut pecahan berikut:
 - a) 4,105 nelayan adalah pemegang Pas Pelaut/ *Seaman Pass*; dan
 - b) 10,598 nelayan mempunyai pasport namun tiada cop lakri keluar-masuk ke dalam negara daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Mereka ini dicadangkan diambil bekerja semula melalui Program Rekalibrasi pekerja asing di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- iii. Sehingga kini seramai 1,213 orang kru telah mendapat PLKS secara sah daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Manakala seramai 4,050 orang kru telah didaftarkan semula untuk bekerja di atas vesel melalui program moratorium PLKS dengan mengguna pakai dokumen pasport yang sah sahaja.
- iv. MAFI telah menyelaras bersama agensi berkaitan untuk memberi kebenaran masuk kepada kru asing warganegara Thailand melalui sempadan jalan darat di Bukit Kayu Hitam, Kedah, Wang Prachan-Padang Besar, Perlis, Sg. Kolok, Kelantan dan Sadao-Changlun, Kedah sejak bulan Mac 2021. Penyelarasan maklumat daripada pihak industri telah dikemukakan kepada Kementerian Luar Negeri (KLN) bagi tujuan permohonan kepada Kerajaan Thailand. Melalui kemasukan sempadan jalan darat ini, kos pengambilan baru kru asing dapat dikurangkan berbanding kemasukan melalui pengangkutan udara (kapal terbang).
- v. MAFI juga sedang melaksanakan Projek Rintis Latihan Tenaga Kerja Tempatan di atas Vesel Perikanan Tangkapan

Zon A Pukat Jerut Bilis di Pulau Langkawi, Zon C dan C2 di negeri Kedah, Terengganu dan Sarawak. Program ini merupakan program latihan komprehensif selama dua (2) minggu bagi melatih peserta di kalangan warga tempatan untuk menjadi kru di atas vesel penangkapan ikan.

- vi. Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang bermula sejak tahun 2002 berupaya meningkatkan pengeluaran pertanian melalui model pembangunan insan mahir di dalam bidang pertanian berteraskan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) (Tahap I, II, III, DKM, DLKM) dengan peruntukan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (*National Skill Development Act@NASDA*).
- vii. Program Sijil Perikanan di bawah Akademi Perikanan Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 2015 sebagai satu bidang pengajian tinggi peringkat sijil (IPT) yang diakreditasi oleh *Malaysian Qualification Agency* (MQA) – MQA/FA 7564. Program ini menggabungkan pengetahuan akademik dan kemahiran teknikal melalui empat (4) disiplin utama iaitu perikanan tangkapan, akuakultur, biosekuriti dan produk lepas tuai.
- viii. Penubuhan APM dan KPSN sebagai pusat latihan yang menawarkan Sijil Perikanan Malaysia (SP), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam sektor perikanan.

Sekian, terima kasih.